



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTEKNIK UKUR KANAN (C.2 EB.3)  
JABATAN UKUR  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**JURUTEKNIK UKUR KANAN**  
**JABATAN UKUR**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**  
**C.2 EB.3 (\$1,450-\$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang *Land Surveying / Geomatics (Surveying)* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Ukur sebagai Juruteknik Ukur Tingkat I atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Juruteknik Ukur Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji sekurang-kurangnya D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau Juruteknik Ukur atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji sekurang-kurangnya D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam pentadbiran dan pengurusan maklumat tanah adalah kelebihan.
3. Mempunyai pengalaman yang luas dan terbukti dalam salah satu bidang kerja-kerja Ukur Tanah / Geomatik adalah kelebihan.
4. Mempunyai Lesen Memandu Kelas Tiga (03) yang sah (tidak mansuh).

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Ketua Juruteknik Ukur dalam perancangan spesifikasi Ukur Geomatik atau spesifikasi Pemetaan / Geomatik;



2. Mengawas ke atas pemeliharaan dan baikpulih alat-alat yang digunakan;
3. Mengawasi perjalanan kerja harian Ukur Geomatik dan Pemetaan Infromatik menepati matlamat pada jangka masa yang dirancang;
4. Ahli Jawatan Kuasa Kecil '*Quality Control Circles*' dibawah Sistem Pengurusan Berkualiti (ISO 9001) dan tugas-tugas yang difikirkan perlu dari semasa kesemasa;
5. Mengawasi dan mengetuai kerja-kerja Ketua Pasukan Ukur Geomatik;
6. Membantu Ketua Juruteknik Ukur dalam unit kecil di Bahagian Ukur Geomatik atau Bahagian Pemetaan Informatik;
7. Menyelia dan menyemak perjalanan kerja mengikut prosedur Sistem Pengurusan Berkualiti (ISO 9001);
8. Mengawasi sumber tenaga bawahan; dan
9. Membantu Ketua Juruteknik Ukur dalam keperluan-keperluan latihan harian di Unit masing-masing.